

03 APR 1997

PM MAHU KEADILAN DALAM PERSAINGAN PERDAGANGAN

SERDANG, 3 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata adalah tidak adil bagi negara-negara maju untuk menuduh Malaysia serta negara-negara membangun lain tidak membuka pasaran mereka sepenuhnya kepada persaingan asing.

Beliau berkata Malaysia adalah sebuah negara kecil berbanding dengan gergasi-gergasi perdagangan seperti Amerika Syarikat dan Jepun dan oleh itu, negara-negara seperti Malaysia yang ekonominya masih jauh ketinggalan di belakang negara-negara maju, perlu melindungi diri sendiri.

"Kita bercakap mengenai padang permainan yang sama rata yang membabitkan pemain-pemain yang saiznya sama...jika tidak mana adil," Dr Mahathir memberitahu pemberita selepas melawat sehari-suntuk ke Universiti Pertanian Malaysia yang mulai hari ini dikenali sebagai Universiti Putra Malaysia.

Perdana Menteri berkata kita (Malaysia) adalah kecil berbanding dengan ekonomi Jepun dan Amerika Syarikat...adalah tidak adil bagi mereka untuk mengajak kita bermain bola sepak ala Amerika sedangkan pemain mereka tegap dan mempunyai berat badan 250 paun dan pemain kita hanya 20 paun.

Kedua-dua AS dan Jepun, dalam laporan berasingan mengenai sekatan dagangan, mengadu tentang dasar import Malaysia, keperluan kandungan tempatan, dasar berkaitan industri automotif dan sektor perkhidmatan.

Bagaimanapun, Malaysia tetap menegaskan bahawa sungguhpun kita komited untuk membuka pasaran kita kepada persaingan asing, kita akan melakukannya mengikut rentak kita sendiri supaya tidak menjejaskan industri-industri dalam negeri.

"Kita mahukan keadilan dalam rungutan itu," kata Dr Mahathir, sambil merujuk kepada hakikat bahawa pemain-pemain dalam negeri memerlukan masa untuk membina kekuatan mereka supaya mempunyai peluang yang sama untuk bersaing. -- BERNAMA

DAB/MR SIA